

# Cubaan 'rosakkan' sumber kedatangan Islam ke alam Melayu

Oleh Nazmi Yaakub  
nazmi@bh.com.my

"Sejak abad ke-17 dan sebelumnya, semua bukti penulisan agama yang dikaji tidak menunjukkan sebarang penulisannya dari keturunan India atau tulisan yang berasal dari India. Penulis yang dikatakan oleh sarjana Barat sebagai keturunan India sebenarnya adalah keturunan Arab sama ada dari segi etnik atau budaya. Pendakwah-pendakwah yang awal jika berdasarkan nama gelaran adalah dipastikan sebagai orang Arab atau Arab-Parsi.

"Memang benar mereka datang ke alam Melayu melalui India, tetapi masih terdapat segolongan mereka yang datang terus dari Tanah Arab atau melalui Parsi atau negeri China.

Ada terdapat karya-karya ini dituliskan di India, tetapi tulisan itu berasal dari Tanah Arab atau Parsi, malah terdapat juga tulisan yang berasal dari Turki dan Maghribi, tetapi apa yang lebih penting, pengajaran agama itu bercorak Timur Tengah dan bukan India."

Petikan di atas ialah terjemahan tulisan Prof Tan Sri Dr Syed Muhammad Naquib al-Attas yang diambil oleh Tun Suzana Tun Othman daripada *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 1969.

Tiga tahun kemudian, beliau menyampaikan syarahan penguukuhan pelantikan Profesor Bahasa dan Kesusasteraan Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan judul Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu dan kira-kira empat dekad kemudian, ilmuwan besar itu menyempurnakannya dalam buku *Historical Fact and Fiction* terbitan Penerbit Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Pada dekad 1960-an itu juga, Hamka bersama ulama Indonesia yang lain menganjurkan Seminar Masuknya Islam di Indonesia yang turut menegaskan hakikat Islam yang dibawa, disebar dan dibangunkan di alam Melayu atau Nusantara adalah dari sumber yang asli dan utama, iaitu dari Semenanjung Arab atau setepatnya Hadramawt dan daripada ulama serta pendakwah berbangsa Arab.

## Berdasarkan teori dari India

Dalam buku *Historical Fact and Fiction* itu pula, Al-Attas mencatatkan sejarah kemasukan dan penyebaran Islam itu secara terperinci, sekali gus menegaskan golongan pendakwah itu tidak lain dan tidak bukan adalah daripada keturunan Rasulullah SAW.

Perlu diingat baik ketika Al-Attas atau Hamka membuat penegasan itu, orientalis Barat khususnya

Snouck Hurgronje membina kerangka sejarah kemasukan Islam ke alam Melayu berdasarkan teori dari India yang bermakna memutuskan hubungan kerohanian antara Islam di rantau ini dengan sumber yang asal.

Hurgronje yang boleh dianggap antara orientalis terhebat itu bukan saja berjaya memperkukuhkan kerangka itu, bahkan melatih anak murid dari kalangan sarjana dan sejarawan Melayu sendiri yang menerima kerangka itu seolah-olah sebagai fakta sejarah yang tidak dapat dibantahkan lagi.

Bagaimanapun di negara ini, sumbangan besar Al-Attas itu yang turut didokong oleh anak muridnya berjaya mengembalikan kefahaman hakikat sejarah berkenaan kepada landasan yang benar.

Tun Suzana antara anak murid Al-Attas yang memberikan tumpuan dalam menulis sejarah kemasukan Islam ke alam Melayu ini dalam bahasa Melayu seperti *Ahlul-Bait (Keluarga) Rasulullah SAW & Kesultanan Melayu dan Ahlul-Bait (Keluarga) Rasulullah SAW & Ulama Umarak di Alam Melayu*.

Daripada usaha ulama, ilmuwan, sejarawan dan pengarang terbabit, kita dapat menyusuri perjalanan panjang dakwah Islam di alam Melayu daripada keturunan Ba Alawi yang bersambung kepada Imam Ahmad

bin Isa al-Muhajir yang pada zamannya berjaya membersihkan bumi Hadramawt daripada pengaruh Khawarij Ibadiah sehingga menjadikan tanah Yaman itu berakidah Ahlu Sunnah Wal Jamaah, bermazhabkan Syafie dan tasawuf mengikut Hujjatul Islam, Imam al-Ghazali.

Daripada keturunan Imam Ahmad, lahirnya Sayyid Hussein Jamadil Kubra yang zuriatnya antara lain ialah Wali Songo, iaitu Maulana Malik Ibrahim, Sunan Ampel, Sunan Bonang, Sunan Drajat, Sunan Giri dan Sunan Gunung Jati yang mengislamkan Tanah Jawa, manakala keturunannya yang lain mengasas atau membangunkan banyak kerajaan Melayu di Tanah Melayu yang sebahagiannya masih kekal sehingga kini.

## Tuduhan sembrono

Saya tekankan hal ini kembali apabila mutakhir ini, ada pengkaji yang secara sembrono mendakwa Imam Ahmad al-Muhajir itu bermazhab Syiah dan bertaqiyah sebagai Ahlu Sunah Wal Jamaah, manakala habaib atau keturunannya meneruskan taqiyah itu sehingga kini.

Barangkali pengkaji itu tidak menyedari tentang usaha ilmuwan, ulama, sejarawan dan pengarang yang saya sebutkan itu untuk memperbetulkan tanggapan yang salah terhadap kemasukan Islam di alam Melayu secara ilmiah

serta pensejarahan sehingga dengan secara bersahaja, individu berkenaan membuat tohmahan sebegitu.

Malah, pengkaji itu barangkali juga tidak menyedari keturunan Imam Ahmad al-Muhajir itu bukan saja dari kalangan yang menggunakan gelaran habib atau syed, bahkan seperti yang ditulis oleh Tun Suzana adalah juga sultan dan raja.

Sekiranya Hurgronje berjaya 'memutuskan' hubungan kerohanian antara umat Islam di alam Melayu dengan sumber dakwah dan keilmuan Islam di Hadramawt dalam tempoh beberapa dekad sehingga seabad, maka pengkaji itu seolah-olah menyambung tugas orientalis berkenaan yang kali ini cuba 'merosakkan' sumber itu sendiri dengan melemparkan tuduhan Syiah.

Barangkali Hungronje sendiri seandainya masih hidup akan terkejut kerana apa yang dapat dilakukannya hanya memutuskan hubungan itu dan memesongkannya ke India serta tidak 'sanggup' merosakkan sumber dakwah itu sendiri.

Kalaulah orientalis sehebat Hungronje pun tidak berjaya memesongkan hakikat kemasukan Islam ke alam Melayu itu, apakah seorang pengkaji yang ketokohnya tidak menyerupai ilmuwan Belanda itu dapat 'merosakkan' sejarah yang benar?

